

Headline	Isteri reda suami meninggal dunia di Mekah		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	20 Sep 2016	Color	Black/white
Section	Dlm Negeri	Circulation	171,663
Page No	34	Readership	563,000
Language	Malay	ArticleSize	230 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 2,997
Frequency	Daily	PR Value	RM 8,991



Isteri reda suami meninggal dunia di Mekah

TUARAN 19 Sept. - "Isteri mana yang tidak sedih apabila suami yang sentiasa berada di sisi pergi buat selamanya dan disemadikan jauh dari tanah air."

Demikian luahan Bainun Salim, 49, isteri kepada Allahyarham Asli Siamat, 74, jemaah haji dari Sabah yang meninggal dupnia di tanah suci pada 7 September lalu.

Bagaimanapun, Bainun berkata, dia dan anak-anak reda kerana suami tercinta meninggal dunia di tanah suci ketika menuaikan Rukun Islam kelima.

"Saya mendapat tahu suami meninggal dunia selepas dihubungi pegawai Lembaga Tabung Haji pada 7 September lalu. Pada mulanya amat

sedih tetapi saya memikirkan ini adalah takdir Tuhan untuk arwah," katanya ketika ditemui di rumahnya di Kampung Tajau sempena sesi ziarah waris jemaah haji, di sini hari ini.

Allahyarham Asli meninggal dunia akibat jangkitan kuman dalam darah ketika menerima rawatan di Hospital King Faisal, Mekah pada 7 September lalu.

Yang hadir sama pada sesi ziarah itu ialah Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif Tabung Haji, Datuk Badlisyah Abdul Ghani dan Timbalan Pengarah Tabung Haji Sabah, Norsaiful Adlan.

Allahyarham meninggalkan seorang balu, serta lima anak hasil perkahwinan pertama, 23 cucu dan seorang cicit.

**BADLISYAH
ABDUL
GHANI (tiga
dari kanan)
menyerahkan
sumbangan
kepada
Bainun Salim
di Kampung
Tajau,
Tuaran,
Sabah,
semalam. -
UTUSAN/
BESSE
AISYAH**

